

Hakisan dalam perhatian

JPS ambil serius masalah, bawa kontraktor tinjau lokasi di Jalan Jasmin

BUKIT BERUNTUNG -

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu Selangor akan mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah hakisan tanah di jambatan berhampiran Jalan Jasmin selepas perbincangan mengenai isu itu selesai.

Pegawai Yang Menjaga, JPS Daerah Hulu Selangor, Halim Masri berkata, hakisan hanya berlaku di beberapa bahagian di Jalan Jasmin 5 itu tidak melibatkan kawasan jambatan berkenaan sebelum ini.

Menurutnya, ketika tender bagi projek penambahbaikan itu dikeluarkan pada tahun lalu, ia tidak meliputi kerja baik pulih di jambatan itu memandangkan hakisan berkenaan masih belum berlaku pada waktu tersebut.

"Oleh sebab itu, tender



berkenaan tidak termasuk skop kerja bagi kerja baik pulih hakisan pada jambatan yang terlibat," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

Disebabkan hakisan itu turut melibatkan kawasan jambatan berkenaan, Halim memaklumkan pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Pengarah JPS Selangor dalam masa terdekat bagi mencari penyelesaian

“Kita (JPS) juga telah membawa kontraktor terlibat ke lokasi bagi meninjau keadaan hakisan yang berlaku tersebut.” - Halim

terhadap masalah itu.

Halim berkata, skop kerja baik pulih hakisan di jambatan itu berkemungkinan akan disenaraikan sekali ke dalam tender tersebut selepas segala perbincangan selesai.

"Kita (JPS) juga telah membawa kontraktor terlibat ke lokasi bagi meninjau keadaan hakisan yang berlaku tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor, June Leow berkata, pihaknya amat menghargai inisiatif yang diambil pihak JPS bagi me-

nyelesaikan isu tersebut yang sebelum ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan semua pihak.

Namun begitu, June berharap supaya JPS dapat mempercepatkan kerja menaik taraf memandangkan keadaan di jambatan berkenaan semakin kritikal pada masa kini.

"Jambatan ini menghubungkan jalan utama Bukit Beruntung ke kawasan perindustrian Jalan Jasmin dan ia turut digunakan oleh penduduk yang menetap di Jalan Dahlia, Jalan Teratai serta Jalan Melati," katanya.

Katanya, walaupun kawasan ini mempunyai satu laluan alternatif untuk keluar, namun keadaan agak teruk dan tidak selesa buat pengguna lalu lintas khususnya penduduk di Jalan Dahlia dan Jalan Teratai.



Hakisan semakin serius ini memerlukan penambahbaikan segera.



JPS akan mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan isu hakisan.